

ASN2: Jangan terlepas lagi

UM - 7 JAN 2000

DISEBALIK wajah-wajah ceria para pelabur Amanah Saham Kedua (ASN2) ketika pengumuman urusan niaga amanah saham itu pada hari Rabu lalu, tidak kurang juga yang menenuk dahi tanda kecewa.

B&i pemegang unit ASN2, pulangan sebanyak 10 peratus dalam masa enam bulan merupakan 'angpau' awal menjelang Hari Raya Puasa manakala mereka yang terlepas membuat pelaburan pastinya mengigit jari.

Urus niaga amanah saham itu yang 'luar jangkaan' menaikan harapan pelabur sebelum ini, selain memperlihatkan kebenaran kenyataan PNB sebelum ini bahawa pelaburan itu menguntungkan.

Kalau dalam jangka pendek, ia sudah pun menguntungkan maka sudah sepatutnya para pelabur memegaug pelaburan mereka untuk tempoh jangka panjang bagi mendapat pulangan menggalakkan ekor ekonomi negara yang semakin mantap.

PNB telah membuktikan kemampuannya. Malah siapa sangka hanya bagi tempoh sesingkat itu para pelabur sudah pun mendapat pulangan sekurang-kurangnya lapan peratus dan sekiranya mereka mengambil tawaran unit tambahan pastinya, mereka keberuntungan.

Ini kerana mereka berpeluang mendapat 20 unit tambahan bagi setiap pembelian permulaan 1,000 unit pada harga RM1.00 yang ditawarkan dalam tempoh 10 Jun hingga 30 September 1999.

Tidak menghairankan Ketua Pegawai Eksekutif Hamad Kama Piah begitu yakin terhadap prestasi ASN2 yang dilancarkan pada 9 Jun lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ternyata jangkaan beliau tidak meleset. Malah sekiranya ekonomi pulih sepenuhnya ketika itu, para pelabur pasti menikmati habuan yang jauh lebih menarik.

PNB seharusnya dapat menarik lebih ramai pelabur sekiranya negara tidak gawat. Hamad Kama sendiri begitu ghairah sekali mencanangkan berita baik itu ke seluruh negara melalui kempen-kempen bergerak dengan harapan lebih ramai pelabur lama dan baru menyahut seruan itu.

Kemelesetan menyebabkan ramai yang hilang keyakinan meskipun PNB telah membuktikan kemampuannya dan rasa skeptikal tidak seharusnya berlaku kerana sebagai rumah pelaburan besar dan terkemuka, mereka berpegang pada dahan

yang teguh.

Kejayaan ini memperlihatkan situasi 'win-win' yang memberikan faedah kepada PNB dan juga para pelabur skim itu. Ia, sekali gus menonjolkan kemampuan entiti itu memperkenalkan skim yang menguntungkan biarpun ketika kegawatan.

Pengumuman pencapaian ASN2 menunjukkan amanah saham itu mempunyai potensi besar pada masa akan datang. Ini kerana melihat kepada prestasinya berbanding indeks semasa di Bursa Saham Kuala Lumpur, ia agak baik.

Ketika ASN2 dilancarkan, indeks berada di paras sekitar 757 mata dan pada 5 Januari ia ditutup pada 815 mata, untuk memperlihatkan 7.7 peratus.

Jika dibandingkan dengan pulangan sebanyak 8 peratus (tanpa mengambil kira dua peratus tawaran insentif bonus) yang diberikan oleh ASN2 pada tempoh yang sama, ia membuktikan keupayaan PNB memberikan pulangan yang bersaing dalam masa setengah tahun.

ASN 2 seharusnya telah mendapat manfaat daripada perkembangan urusan niaga ASN yang dibuat mengikut harga berubah-ubah sebelumnya.

Sekiranya para pelabur telah pun memahirkan diri dengan membeli ketika harga rendah dan menjual ketika harga tinggi. Ia juga turut memberikan pulangan yang baik.

Jika dilihat pada kadar hasil divi-

den ASN, jika seorang pelabur membeli unit ASN pada harga RM1.07, beliau masih lagi menikmati kadar hasil dividen berjumlah 7.07 peratus berdasarkan kepada pengiraan harga kos dan dividen yang diterima. Pulangan sebegini masih baik jika dibandingkan dengan kadar simpanan tetap yang menawarkan pulangan sekitar 3 atau 4 peratus sahaja.

Selain itu, ia juga memberikan kadar dividen sebanyak 8.25 peratus, iaitu kadar yang juga menarik. Jika dikira kadar hasil dividen berdasarkan nilai aset bersih ASN pada 30 Disember 1999 sebanyak RM0.64, kadar hasil dividennya ialah 12.89 peratus.

ASN2 dan juga ASN membuktikan pelaburan saham amanah masih menguntungkan. Tambahan, ekonomi negara mulai menggalakkan pemuliharaan yang menggalakkan dengan jangkauan Keluaran Dalam Negara Kasar melebihi lima peratus tahun ini.

Bersandarkan hakikat itu bersama-sama perancangan teliti pelaburan PNB, pastinya menawarkan peluang pulangan yang baik bagi setiap pelabur skim-skim PNB termasuk ASN2 dan ASN yang menyaksikan peruntukan 2.5 bilion unit habis dijual.

Sekiranya sejumlah lebih tujuh juta pelabur PNB telah pun membuat komitmen yang menguntungkan mereka, dan anda pula bila lagi.